

Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-45

Tajuk	: Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-45
Tempat	: Bunga Kenanga dan Melur, Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur.
Tarikh	: Sabtu, 12 April 2015
Masa	: 9.00 pagi - 1.00 petang
Kehadiran	: Sila rujuk senarai kehadiran di <u>Lampiran 1</u> .

Setiausaha Kehormat mengumumkan pada jam 9.15 pagi, jumlah ahli berdaftar yang hadir adalah seramai 61 ahli dan layak mengundi, serta seramai 5 ahli sebagai pemerhati. Dengan jumlah ini korum adalah mencukupi untuk mesyuarat dijalankan dengan sah.

Setiausaha Kehormat turut memaklumkan bahawa cetakan Direktori MABOPA 2014/2015 telah ditaja oleh Grup Media Karangraf. Direktori yang diedarkan pada mesyuarat ini 100 unit adalah 100% percetakan digital oleh Ultimate Print. Edisi offset 2000 naskah bakal terbit tahun ini. Rakaman terima kasih kepada Presiden.

1. Ucapan Presiden

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera tuan-tuan dan puan-puan.

Pertama-tama sekali saya mengucapkan selamat datang kepada semua ahli MABOPA yang telah sudi meluangkan masa dan waktu untuk menghadiri mesyuarat agung kali ini. Saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Arief dan urus setia yang telah menganjurkan mesyuarat ini. Saya turut merakamkan penghargaan kepada Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden dan Exco yang telah menjalankan 99% kerja-kerja di MABOPA dan pada pendapat saya ini adalah antara persatuan yang terbaik di Malaysia.

Ahli Jawatankuasa banyak melakukan kerja-kerja di belakang tabir. Untuk makluman ahli, MABOPA Events telahpun digerakkan untuk membantu ahli-ahli untuk menghabiskan stok buku dengan mengadakan beberapa siri acara atau pesta buku. Mabopa Events juga bakal menganjurkan Digital Expo di KLCC pada bulan Ogos ini serta telah merancang beberapa siri pesta buku pada masa terdekat. Saya rasa kita perlu bertindak proaktif lebih-lebih lagi dalam dunia penerbitan yang semakin mencabar jika dibandingkan semasa mula-mula saya membuat bisnes buku dahulu.

Saya ingin menyarankan supaya semua penerbit bersatu dan bergabung untuk menghadapi cabaran penerbitan kini. Antara cabaran-cabarannya adalah dengan adanya teknologi terkini iaitu seperti *print on demand* (pod). Banyak penerbit baru yang muncul kerana naskah buku yang dicetak boleh dicetak serendah 100 unit berbanding dahulu minimum cetakan 3000 unit. Oleh itu risiko yang ditanggung

semakin rendah berbanding dahulu dengan adanya POD maka kuantiti buku dicetak dapat dikawal. Jika dahulu penerbit menghadapi masalah *dead stock* serta perlu gudang yang besar untuk menyimpan stok maka kini masalah ini dapat diatasi.

Selain itu teknologi atas talian (online) turut memberi impak kepada penerbit-penerbit konvensional. Oleh itu, saya berpendapat dan menggalakkan adalah lebih baik kita bergabung untuk menjadi lebih besar dan kompetitif. Kita penerbit perlu *review* dan mengatur strategi semula supaya dapat bersaing dengan pemain industri teknologi atas talian ini seperti Star Online.

Akhir sekali saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada exco dan team di pejabat MABOPA serta semua ahli yang telah bersungguh-sungguh bekerja untuk industri ini. Bagi pihak JK Eksekutif kami ingin memohon maaf jika ada kekurangan dalam pengurusan MABOPA.

Sekian, assalamualaikum wbt.

Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Haji Yaacub
Seri Pacific Hotel,
12 April 2014.

Timbalan Presiden juga bersetuju bahawa persatuan ini adalah antara persatuan perbukuan yang telah diurus dengan baik yang telah mewarisi tradisi kepimpinan terdahulu lagi.

Timbalan Presiden memaklumkan kepada mesyuarat bahawa peranan Dato' Presiden amat besar dalam persatuan. Dato' Presiden telah membuka banyak pintu rundingan untuk persatuan bagi memudahkan perbincangan.

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-44

Timbalan Presiden, Ishak Hamzah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-44 kepada mesyuarat.

Pembetulan:

Mukasurat 42, no. 2: Modal dibenarkan sebanyak RM 400,000.00.

Minit MAT-45 telah dicadangkan untuk pengesahan oleh Law King Hui dari Sasbadi Sdn Bhd dan disokong oleh Koh Yok Hwa dari Gemilang Publishing Sdn Bhd. Mesyuarat menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke-45.

3.0 Hal-hal Berbangkit.

3.1 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2013 (PBAKL 2013)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa MABOPA telah menerima agihan keuntungan sebanyak

RM 50,000.00 daripada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia hasil penganjuran PBAKL yang lepas.

3.2 Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC)

Pengerusi MBIC adalah Ishak Hamzah. Status pertubuhan yang sah dengan cadangan nama Dewan Industri Buku Malaysia kepada ROS sedang diusahakan.

3.3 Pembelian Buku Terbitan Ahli MABOPA daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Pembelian buku terbitan ahli MABOPA masih tidak memuaskan. Timbalan Presiden melaporkan bahawa antara alasan yang digunakan oleh PNM adalah ahli MABOPA hanya sekitar 200 ahli sahaja jika berbanding lebih 2000 penerbit yang ada dalam rekod mereka. Melalui kajian dari Perbadanan Kota Buku pula, dilaporkan sebanyak 500 syarikat penerbitan yang aktif menerbitkan buku sepanjang tahun.

Timbalan Presiden memaklumkan bahawa persatuan akan terus memohon kerajaan untuk menaikkan peruntukan kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam industri perbukuan melalui saluran MBIC.

3.4 KEMAS

Peruntukan bagi tahun 2014 adalah sebanyak lebih kurang RM 5-6 juta.

3.5 Penubuhan *Reproduction Rights Organization (RRO)* di Malaysia

Penubuhan RRO masih lagi dalam peringkat rundingan. RRO masih lagi akan menguntungkan penerbit luar negara. Namun ia masih perlu ditubuhkan untuk pelan jangka masa panjang.

3.6 Perbadanan Kota Buku

Peranan Perbadanan Kota Buku telah diperkemas dengan pelantikan Tan Sri Dato' Seri Abdul Ghafar Mahmud sebagai Pengerusi Perbadanan Kota Buku serta Ketua Pegawai Eksekutif, Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar.

Perbadanan Kota Buku akan memperuntukkan 20% dana dalam membantu masalah-masalah industri buku hari ini. Antaranya industri penyelidikan, perdagangan buku hari ini seperti Bologna Book Fair dan Kuala Lumpur Trade & Copyright Centre.

Manakala 80% dana akan digunakan untuk pembangunan industri buku masa hadapan iaitu buku-buku digital, mengkaji dan mempelajari strategi pemasaran buku digital serta memahami soal *Intellectual Property* (IP).

4.0 Laporan Jawatankuasa Eksekutif

Setiausaha Kehormat membentangkan laporan Jawatankuasa Eksekutif kepada mesyuarat.

4.1 Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa MBIC telah mencadangkan mekanisma kawalan Baucer Buku 1 Malaysia kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mengawal salah guna Baucer Buku 1 Malaysia.

5.0 Laporan Kewangan

Bendahari Kehormat membentangkan laporan kewangan yang di audit untuk Tahun Kewangan 2013 kepada mesyuarat.

Laporan kewangan untuk tahun 2013 telah dicadangkan untuk pengesahan oleh Dato' Dr. Haji Sayed Ibrahim dari Golden Books Centre Sdn Bhd dan disokong oleh Haji Kamaluddin Haji Ibrahim dari Al-Hidayah Publishers.

6.0 Pelantikan Juruaudit Dalaman

Pelantikan Juruaudit Dalaman dicadangkan oleh Raymond Yeo dan disokong oleh Haji Kamaluddin Haji Ibrahim. Mesyuarat bersetuju untuk melantik Sheikh Faisal Sheikh Mansur dari Shakespot Sdn Bhd dan Jailani Abdul Rahman dari Darul Tenggara (M) Sdn Bhd sebagai Juruaudit Dalaman.

7.0 Pelantikan Juruaudit Luar

Dato' Dr. Haji Sayed Ibrahim dari Golden Books Centre Sdn Bhd mencadangkan Tetuan F.W. Wong & Co. dikekalkan sebagai Juruaudit Luar dan disokong oleh Law King Hui dari Sasbadi Sdn Bhd.

8.0 Hal-hal Lain

8.1 William Foo, Penerbit Mega Setia Emas Sdn Bhd

- a. Mencadangkan MABOPA memohon Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil alih dan menguruskan hakcipta soalan-soalan tahun lepas daripada Yayasan Guru.

Maklum balas MABOPA: Exco berpendapat bahawa MABOPA tidak seharusnya bersaing dengan ahli dalam penerbitan.

- b. Mencadangkan hakcipta soalan-soalan tahun lepas dibuka kepada semua penerbit-penerbit yang berminat.

Maklum balas MABOPA: MABOPA bersetuju bahawa soalan-soalan tahun lepas dibuka kepada semua penerbit.

- c. Mencadangkan supaya MABOPA memberi cadangan kepada kerajaan garis panduan kuantiti minimum *print run* dari pembelian/tender kerajaan.

Maklum balas MABOPA: MABOPA berpendapat ia agak mustahil kerana persaingan pasaran terbuka. Oleh itu MABOPA mencadangkan kepada ahli MABOPA tukar strategi ke *print on demand* (POD).

8.2 Rostinah Mohamad Gaus, The Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd

- a. MABOPA menyediakan platform dan *service provider* untuk produk digital untuk bersaing seperti Amazon.

Maklum balas MABOPA: Masih sukar bagi MABOPA untuk menyediakan platform kerana dijangkakan ada masalah menjual platform ini. Setiausaha kehormat mencadangkan menggunakan platform dari Celcom Bachabooku dan E-Sentral.

- b. Kos penghantaran pos normal di Malaysia tidak dipercayai kerana 30% penghantaran tidak sampai. Jika menggunakan pos berdaftar pula akan menaikkan kos pengurusan. Oleh itu mencadangkan MABOPA dapat selaraskan harga yang kompetitif bagi industri buku.

8.3 BACA

Rachel Poon membentangkan acara BACA World 2014 kepada mesyuarat.

8.4 Kuala Lumpur Trade & Copyright Centre 2014 (KLCC 2014)

Ishak Hamzah dan Arief Hakim melaporkan perkembangan Kuala Lumpur Publishing & Rights Conference dalam KLCC yang akan berlangsung 21-24 April 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

8.5 GST

Law King Hui dari Sasbadi Sdn Bhd bertanya tentang status GST dalam industri buku. Timbalan Presiden akan memaklumkan status apabila membuat pertemuan dengan pihak kastam.

9.0 Penutup.

Mesyuarat bersurai pada jam 12.30 tengahari.

Disediakan oleh:

Arief Hakim Sani bin Rahmat
Setiausaha Kehormat

Disahkan oleh:

Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacob
Presiden

Lampiran 1 : Senarai Kehadiran pada 12 April 2014 di Ballroom A, Level 2, Hotel Seri Pasific, Kuala Lumpur.

No.	No. Ahli	Nama Syarikat	Nama Wakil	Status
1	201219	ALAM RAYA ENTERPRISE SDN BHD	Hj. M. Akiffanus Jawahir	Rasmi
2	200615	AL-AMEEN SERVE HOLDINGS SDN BHD	Haji Che Mazlan Haji Saad	Rasmi
3	200901	ALERT MINDS SDN BHD	Samsuri A. Hamid	Rasmi
4	200808	AL-HIDAYAH PUBLICATION	Fazrul Hasan bin Haji Kamaluddin	Rasmi
5	200209	AL-HIDAYAH PUBLISHERS	Hj Kamaluddin Bin Hj Ibrahim	Rasmi
6	201403	ANA MUSLIM SDN BHD	Azizuddin Ahmad	Proksi
7	200703	ARAS MEGA (M) SDN BHD	Ahmad Fadzillah Muhamad	Rasmi
8	200809	AR-RISALAH PRODUCT SDN BHD	Ramji B. Rabi	Proksi
9	200804	ART SQUARE CREATION SDN BHD	Wong Chee May	Proksi
10	200713	AUGUST PUBLISHING SDN BHD	Noorlini Osman	Proksi
11	200404	BEH-ER PUBLICATION SDN BHD	Ong Lay Hoon	Proksi
12	200304	BRIGHT PUBLICATIONS SDN BHD	David Mak	Rasmi
13	201108	BUKU FIXI	Mohammad Iqbal B Abu Bakar	Proksi
14	200001	CEMERLANG PUBLICATIONS SDN BHD	Gon Chee Poh	Proksi
15	198912	CERDIK PUBLICATIONS SDN BHD	Rozida bt Hj Ismail	Rasmi
16	200004	CRESCENT NEWS (K.L) SDN BHD	S. Ahamed Kabeer	Rasmi
17	200910	DARUL TENGGARA (M) SDN BHD	Jailani Abdul Rahman	Rasmi
18	198711	DARUL FIKIR SDN BHD	Hjh. Rahmah Bt S. Ahmad	Rasmi
19	198513	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	Datin Hajjah Binti Hj. Jais	Proksi
20	201301	DUBOOK PRESS & PUBLICATION	Mohd Asyraf Bazli B Mohd Suhaimi	Proksi
21	200415	EARLY LEARNER PUBLICATIONS SDN BHD	Hariharan	Rasmi
22	200708	E-MEDIA PUBLICATION SDN BHD	Ishak Hamzah	Rasmi
23	201212	EVERGREEN PUBLISHER SDN BHD	Rachel Poon	Rasmi
24	200709	EXACT PUBLISHER SDN BHD	Alvin Foo Fook Hing	Rasmi
25	200721	FAJAR PAKEER SDN BHD	Shadick Bin Pakkir Moldamed	Proksi
26	198901	FLO ENTERPRISE SDN BHD	Zawiyah Binti Yahaya	Proksi
27	200803	GALERI ILMU SDN BHD	Mohd Nor Rafuzi	Proksi
28	200307	GEMILANG PUBLISHING SDN BHD	Koh Yok Hwa	Rasmi
29	198210	GOLDEN BOOKS CENTRE SDN BHD	Dato Dr. Hj Syed Ibrahim	Rasmi
30	200614	GRUP MAJALAH KARANGKRAF	Dato' Hussamuddin Hj Yaacub	Rasmi
31	200102	HENG HUI ENTERPRISE SDN BHD	Henry Leung Yih Shyung	Rasmi
32	200203	HYPERSURF CORPORATION SDN BHD	Esther Hoe	Rasmi
33	198209	IBS BUKU SDN BHD	M. T Balan	Rasmi
34	200605	IMPIANA PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD	Desmond T. H Chee	Rasmi
35	198507	INTERNATIONAL LAW BOOK SERVICES	Dato Dr. Hj Syed Ibrahim	Rasmi

36	200502	JUNIOR PAGES PUBLICATION	Benny Yeo	Rasmi
37	200301	K PUBLISHING SDN BHD	Khadijah Hashim	Rasmi
38	200908	KEMILAU PUBLIKA SDN BHD	Zulkifli Yeop	Proksi
39	200207	KUALITI BOOKS SDN BHD	Raymond Yeo Chin Heap	Rasmi
40	201006	KUMPULAN DESA FIKIR	Azahar Bin Manafp	Proksi
41	200411	MAYA PRESS SDN BHD	Law King Hui	Rasmi
42	200607	MIKA CEMERLANG SDN BHD	Marvin Ooi Peng Lam	Rasmi
43	200904	MUST READ SDN BHD	Najah Binti Dawam	Proksi
44	200710	NAVISON (M) SDN BHD	Joshua Hoe Chen Ming	Proksi
45	201213	NYLA SDN BHD	Zil Amiza Mohd Amin	Proksi
46	200302	ODANATA PUBLISHING SDN BHD	Khor Foo Sun	Proksi
47	201008	ORBIT BUKU SDN BHD	Law King Hui	Rasmi
48	197004	OXFORD FAJAR SDN BHD	Rajan Thangavello	Rasmi
49	200718	PEKAN ILMU PUBLICATIONS SDN BHD	Abdul Halim Pekan Bin Iskin	Rasmi
50	200909	PENERBITAN ILMU BAKTI SDN BHD	Lee Yiau Kuang	Rasmi
51	200103	PENERBITAN MEGA SETIA EMAS SDN BHD	William Foo	Rasmi
52	196906	PENERBIT UNIVERSITI MALAYA	Adam Wong Abdullah	Rasmi
53	200401	PENERBITAN BANGI SDN BHD	James Chang Hee Lee	Rasmi
54	198706	PENERBITAN JAYA BAKTI SDN BHD	Dato Dr. Silvaraju	Rasmi
55	200109	PENERBITAN NADI ILMU SDN BHD	Sakri Ahmad	Rasmi
56	198201	PENERBITAN PELANGI SDN BHD	Samuel Sum	Rasmi
57	200407	PENERBITAN SERIBU DINAR SDN BHD	Ali Akhbar bin Abdul Kadir	Rasmi
58	200912	PEP PUBLICATIONS SDN BHD	Ivan Hui Luh Siong	Proksi
59	200405	PERNIAGAAN JAHABERSA	Jahabar Sathik	Rasmi
60	200701	PERSATUAN BAGI ORANG BUTA MALAYSIA	Jamilah Ismail	Proksi
61	200309	PTS PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD	Arief Hakim Sani B. Rahmat	Rasmi
62	201304	PUSTAKA AL-EHSAN	Rosli bin Omar	Rasmi
63	200727	PUSTAKA SYUHADA	Haji Hamzah Hj Osman	Rasmi
64	200714	SABA ISLAMIC MEDIA SDN BHD	Abdul Mubbin Abdul Latiff	Proksi
65	198606	SASBADI SDN BHD	Law King Hui	Rasmi
66	200905	SCHOLAR'S PUBLICATIONS SDN BHD	Abdul Sallem	Rasmi
67	200907	SHAKESPOT SDN BHD	Sheikh Faisal Sheikh Mansor	Rasmi
68	197301	SYARIKAT CULTURAL SUPPLIES SDN BHD	Kow Ching Chuan	Rasmi
69	201404	TELAGA BIRU SDN BHD	Mohamad bin Ya'acob	Rasmi
70	201405	THE MALAYSIAN CURRENT LAW JOURNAL SDN BHD	Rostinah Mohamad Gaus	Rasmi
71	200609	UMA PUBLICATIONS	Y. Sahadevan AMN,BKM,PPT	Rasmi
72	197701	UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD	Mahadzuk Adun	Proksi
73	201206	YAMANI ANGLE SDN BHD	Fahizul Bin Haji Dazlan	Rasmi

74	200403	YM HARUMAN JIWA SDN BHD	Wong Yuk Fun	Proksi
75	201211	ZETI ENTERPRISE	Ibrahim Bin Talib	Rasmi

No.	No. Ahli	Nama Syarikat	Nama Wakil	Status
1	201219	ALAM RAYA ENTERPRISE SDN BHD	Rohayah Ishak	Pemerhati
2	200709	EXACT PUBLISHER SDN BHD	Markk Koh	Pemerhati
3	200102	HENG HUI ENTERPRISE SDN BHD	Berry Leung Yin Yun	Pemerhati
4	200103	PENERBITAN MEGA SETIA EMAS SDN BHD	Andy Loy	Pemerhati
5	200109	PENERBITAN NADI ILMU SDN BHD	Ronny Yap	Pemerhati
6	200727	PUSTAKA SYUHADA	Md Amin	Pemerhati
7	201405	THE MALAYSIAN CURRENT LAW JOURNAL SDN BHD	Lukman Latiff	Pemerhati